

Naik taraf fasiliti untuk golongan OKU

Oleh PROF. DR. ARIFIN ABDU
gayautusan@mediamulia.com.my

BERDASARKAN rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat, seramai 637,537 Orang Kurang Upaya (OKU) berdaftar di Malaysia melibatkan 416,704 lelaki manakala 220,833 perempuan.

Kategori OKU utama di negara ini pula adalah penglihatan, pendengaran, pertuturan, fizikal, pembelajaran dan mental.

OKU pembelajaran adalah yang tertinggi diikuti OKU fizikal. Selain itu, peringkat umur 60 tahun ke atas merupakan kumpulan OKU yang tertinggi.

Namun begitu, golongan itu juga memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah negara.

Kekurangan yang ada pada diri mereka boleh menjadi kelebihan bagi mereka dan kita semua dalam memacu pembangunan negara untuk menjadi lebih cekal dan berdaya saing.

Terdapat ramai OKU yang memiliki ijazah sarjana daripada institusi pengajian tempatan.

Fasiliti sedia ada di institusi pengajian tinggi perlulah mesra golongan itu dan perlu ditambahbaik dari semasa ke semasa.

Fasiliti seperti tandas OKU perlu ditambah bilangannya di setiap bangunan dan pembinaannya perlulah mengikut spesifikasi yang bersesuaian dengan kegunaan OKU.

Selain itu, susur tangga juga tidak boleh dibina terlalu curam kerana ia akan menyukarkan pengguna kerusi roda untuk naik dan turun.



AHLI Lembaga Pengarah UPM, Noraishah Mydin Abdul Aziz (duduk) melakukan kunjungan di fasiliti UPM.



ARIFIN ABDU

Oleh itu, pembinaan ramp perlu mengambil kira kemudahan bagi OKU untuk menggunakannya tanpa perlu bantuan orang lain.

Selain itu, buku-buku dan peralatan elektronik seperti komputer riba perlu dilengkapi dengan kod Braille pada papan kekunci bagi memudahkan mereka untuk mengikuti aktiviti pembelajaran.

Aktiviti kokurikulum juga

untuk pelajar-pelajar OKU tidak harus terhad kepada aktiviti dalam bilik kuliah sahaja. Mereka juga harus terlibat sama dalam aktiviti luar bilik kuliah seperti sukan dan kesukarelawan.

Selain itu, kelengkapan dan peralatan untuk OKU seperti kerusi roda, alat pendengaran atau kaki palsu hendaklah mudah diperolehi dan dijual pada harga mampu milik.

Inilah masanya bijak pandai negara kita membantu golongan OKU ini dengan menciptakan alat bantu untuk yang lebih ergonomik kepada mereka agar mereka dapat menikmati hidup sama seperti setiap masyarakat Malaysia yang lain.

OKU BERJAYA

Nick Vujicic, yang mengalami phocomelia sejak lahir, tidak mempunyai tangan dan kaki. Beliau

bergraduat daripada Griffith University pada umur 21 dan kini sudah berkeluarga dan mempunyai empat orang anak.

Beliau juga merupakan penceramah motivasi yang terkenal.

Presiden ke-32 Amerika Syarikat, Franklin D. Roosevelt juga seorang OKU apabila dijangkiti polio yang menyebabkan kaki beliau lumpuh.

Keadaan lumpuh yang dialami beliau sebaliknya memberi beliau idea untuk menubuhkan National Foundation for Infantile Paralysis dan seterusnya menghasilkan vaksin polio yang kini dinikmati oleh masyarakat dunia untuk menangani polio.

Pemerintahan beliau juga meninggalkan impak besar dalam pembangunan Amerika Syarikat dalam terutamanya ketika

INFO

Antara penambahbaikan yang boleh dilakukan adalah:

- » Melebarkan pintu untuk membolehkan kerusi roda melaluinya dengan mudah.
- » Menggantikan tangga dengan tanjakan.
- » Menempatkan semula suis lampu dan pemegang pintu ke tahap yang mengagap orang yang menghadapi kesukaran untuk mencapai.
- » Memasang penggera kebakaran audio-visual.
- » Menyediakan kemudahan tandas yang boleh diakses untuk pelajar dan pekerja OKU.

mengharungi Great Depression dan Perang Dunia kedua.

Oleh itu, semua institusi pengajian tinggi awam dan swasta perlu komited untuk memberi kesaksamaan hak dan peluang kepada guru, pekerja dan pelajar kurang upaya bagi penyertaan penuh dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan serta pembangunan peribadi dan profesionalisme di universiti.

Bagi tujuan itu, setiap institusi pengajian perlu menyediakan kemudahan prasarana, peralatan, sumber manusia dan kewangan serta perkhidmatan sokongan bagi memastikan kebolehcapaian infrastruktur dan persekitaran institusi pengajian yang kondusif bagi pelaksanaan dasar inklusif OKU.

Penulis adalah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM).



FASILITI asas untuk kegunaan pelajar dan pekerja seperti tempat letak kereta khas dan ramp di universiti.



KEMUDAHAN Van OKU yang disediakan di klinik bergerak UPM.